

FAKTOR -FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEJAYAAN USAHAWAN BUMIPUTERA DI KUALA ROMPIN, PAHANG

Rohailin Zainon¹, Mohammad Afdhaluddin Azahar² & Nurulhayah Muhamad³

^{1,3} Pensyarah, Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka.

² Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Keusahawanan), Kolej Universiti Islam Melaka.

ABSTRAK

Aktiviti perniagaan merupakan penyumbang terbesar dalam sektor ekonomi dan ia menjadi topik hangat dan pertama dalam perbincangan pembangunan negara yang lebih memfokuskan kepada usahawan melayu. Hal ini kerana, pelbagai dasar dan strategi telah dibangunkan oleh kerajaan bagi memupuk semangat orang melayu dalam menceburi bidang perniagaan, khususnya penduduk di Kuala Rompin. Dimana, ia amat di pengaruhi oleh faktor kemahiran mengurus untuk usahawan terus berjaya dalam arus perniagaan. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan perniagaan usahawan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif menggunakan borang soal selidik dan diedarkan keatas 74 orang peniaga di sekitar Kuala Rompin. Analisis data menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) untuk menentukan deskriptif dan regrasi dalam kajian. Hasil kajian mendapati kemahiran mengurus perniagaan merupakan faktor yang paling penting dalam kejayaan usahawan. Manakala faktor kepimpinan dan persekitaran mempunyai kadar yang sederhana. Kesimpulannya, ketiga-tiga faktor ini amat mempengaruhi kejayaan usahawan dan perlu di perbaiki untuk memberikan impak positif kepada perniagaan usahawan bumiputera.

Kata kunci: *Faktor kejayaan, kepimpinan, usahawan, kemahiran mengurus, persekitaran.*

FACTORS INFLUENCING THE SUCCESS OF BUMIPUTERA ENTREPRENEURS AT KUALA ROMPIN, PAHANG

ABSTRACT

Business activity is the largest contributor in the economic sector and it is a crucial topic in discussions of country development that more focusing toward Malay entrepreneurs. This is because, various policies and strategies have been developed by the government to foster the spirit of Malays in business, especially in Kuala Rompin. Where, it is highly influenced by the skills of managing the business for successful entrepreneurs in business flows. This study is to identify the factors that influence the success of entrepreneurs' business. This study uses quantitative methods using questionnaire and distributed to 74 entrepreneurs around Kuala Rompin. The data analysis uses Statistical Packages for Social Science (SPSS) to determine descriptive and regression in this study. The results show that business management skills are the most important factor in the success of entrepreneurs. Hence, leadership and environment factors have moderate levels. In conclusion, these three factors influence the success of entrepreneurs and need to be improved to give positive impact to bumiputera business entrepreneurs.

Keywords: *Success factors, leadership, entrepreneurs, managing skills, environment.*

PENDAHULUAN

Kuala Rompin, Pahang amat terkenal dengan pusat perlancongan iaitu Pulau Tioman. Pulau tioman merupakan pusat perangan bebas cukai. Dimana, ia merupakan tumpuan pertama pelancong dari dalam dan luar negara datang untuk berkunjung ke Pulau Tioman. Ini adalah satu peluang bagi penduduk sekitar Kuala Rompin, khususnya kawasan Adun Tioman untuk menjalankan aktiviti perniagaan. hal ini kerana, Kuala Rompin terdapat banyak bahan mentah untuk dijadikan sumber untuk berniaga. Sebagai contoh hasil tangkapan laut diproses menjadi keropok dan makanan ringan. Selain itu, keuntungan diperolehi adalah daripada hasil aktiviti perlancongan. Aktiviti perlancongan bukan sahaja memberi keuntungan malah ia memberi kepuasan kepada pengunjung itu sendiri untuk merasai keaslian alam semulajadi. Menurut (Histrich & Peter, 2002), keusahawanan bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pendapatan perkapita, malah bertindak sebagai pemangkin perubahan struktur social dan masyarakat. Oleh itu, usahawan perlu memanfaatkan peluang yang ada ini untuk terus maju dalam bidang perniagaan.

Walaupun peniaga-peniaga di Kuala Rompin mempunyai rekod yang baik dalam perniagaan tetapi terdapat segelintir peniaga masih lagi gagal menguasai perniagaan. dimana mereka ini terpaksa menutup perniagaan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa usahawan terpaksa melalui pelbagai cabaran dan rintangan dalam menempuhi alam perniagaan. Antara cabaran yang harus dilalui oleh usahawan tersebut adalah seperti jenis dan saiz perniagaan, lokasi, masa, bentuk persaingan serta potensi pasaran yang wujud. Namun begitu, kejayaan dan kegagalan merupakan satu lumrah bagi individu yang bergelar ahli perniagaan.

Menurut (Othman, N & Panniappan, 2012), ciri-ciri usahawan yang dapat dikenalpasti terdiri daripada ciri-ciri kreatif dan inovatif, berani mengambil peluang dan mengambil risiko, bermotivasi dan percaya kepada diri sendiri. Oleh yang demikian, untuk menjadi usahawan yang berjaya perlulah ada ciri-ciri tersebut bagi perniagaan terus berkembang. Selain itu, untuk menjadi usahawan yang beraya menurut kajian (Ibrahim Mamat, 2009) ia menyatakan bahawa matlamat adalah penentu utama kepada lahirnya sikap positif dalam diri usahawan yang berjaya. Hal ini kerana dalam menjalankan aktiviti perniagaan usahawan perlu ada sikap tersebut bagi mengelakkan sebarang kerugian berlaku ke atas usahawan. Oleh itu, usahawan perlu bersikap positif dalam apa jua permasalahan yang datang.

Selain itu juga, kejayaan usahawan datangnya daripada hasil titik peluh keluarga yang memang ada kepakaran dalam berniaga. Dalam teori (Norashidah Hashim, Norasmah Othman dan Noraishah Buang, 2009) ada menyatakan perkara yang sama iaitu kebanyakan usahawan mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dalam perniagaan yang sama. Ini menunjukkan usahawan tersebut seorang yang mahir didalam arus perniagaan. hal ini kerana, didikan ahli keluarga sejak dari

kecil memupuk semangat usahawan untuk berniaga. Justeru itu, akan terdapat pelbagai strategi dan kaedah yang akan digunakan oleh usahawan tersebut bagi membolehkan perniagaannya terus maju dan berkembang.

Disebalik permasalahan yang berlaku kepada usahawan semasa menjalankan aktiviti perniagaan, terdapat juga mereka ini yang mampu bertahan dan perniagaan mereka membuahkan hasil yang lumayan. Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk mengkaji faktor-faktor kejayaan usahawan ini dimana ia sebahagian besar dapat dijadikan contoh kepada generasi akan datang yang menunjukkan bukan mudah untuk seseorang itu bergelar seorang usahawan.

Selain itu, arus permodenan, ramai masyarakat melayu membuka mata bahawa perniagaan merupakan satu saluran untuk mereka mencari rezeki. Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan pendapatan ekonomi negara. Tetapi terdapat segelintir usahawan masih gagal dalam menjalankan perniagaan. menurut (Utusan, 2016) walaupun negara telah merdeka selama 59 tahun, penglibatan bumiputera sebanyak 30 peratus juga masih belum dicapai ekoran kurangnya penglibatan kaum itu dalam bidang perniagaan. Buktinya statistik menunjukkan apabila daripada sejuta syarikat di negara ini yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 2009 hanya 270,000 dimiliki oleh bumiputera dengan 90 peratus daripadanya terlibat dalam sektor mikro sahaja. Hal ini menunjukkan usahawan melayu masih lagi ketinggalan menguasai bidang perniagaan. oleh itu, pelbagai dasar dan strategi digubal bagi memastikan kaum melayu tidak tertinggal dalam arus pembangunan negara, khususnya dalam sektor perniagaan.

Naib Canselor Keusahawanan UiTM, Prof. Dr. Ramzi Chik menyatakan bahawa punca usahawan bumiputera masih ketinggalan adalah berpunca dari faktor budaya. Hal ini kerana, faktor budaya memainkan peranan penting dalam sesebuah aktiviti perniagaan. oleh itu, dalam menjalankan aktiviti perniagaan faktor budaya perlu diambil kira. Hal ini kerana, Malaysia mempunyai pelbagai jenis bangsa, budaya, dan agama. Menurut (Fayolle, 2000) kedua-dua budaya samada budaya organisasi atau budaya persekitaran, adalah kunci utama untuk menggalakkan semangat keusahawanan dan penubuhan perniagaan.

Manakala Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB, 2010) pula, menyatakan dalam masa lima tahun iaitu dari tahun 2004 hingga tahun 2009, sebanyak 13% daripada usahawan gagal dalam perniagaan mereka dan sebanyak 65% daripada usahawan bumiputera yang gagal dalam perniagaan dirosakkan oleh disiplin dan integrity yang berkaitan tentang personaliti diri yang lemah, manakala 35% lagi kerana masalah perniagaan yang diceburi. Hal ini demikian kerana, usahawan tidak terdedah dengan pelbagai kursus atau kemahiran berkaitan perniagaan sebelum ini. Oleh itu, usahawan perlu mendapatkan khidmat nasihat bagi mengatasi masalah ini tidak berlarutan.

Oleh Sebab itu, adalah penting untuk mengkaji faktor-faktor yang telah membawa kejayaan kepada sebahagian daripada usahawan melayu ini agar dapat dijadikan panduan kepada usaha untuk membangunkan usahawan lain.


OBJEKTIF KAJIAN

- Mengkaji kesan kemahiran mengurus perniagaan terhadap kejayaan keusahawan di Kuala Rompin, Pahang.
- Mengkaji kesan kemahiran kepimpinan terhadap kejayaan keusahawan di Kuala Rompin, Pahang.
- Mengkaji kesan faktor persekitaran terhadap kejayaan keusahawan di Kuala Rompin, Pahang.

KERANGKA KAJIAN

Pembolehubah Tidak Bersandar

Pembolehubah Bersandar



Rajah 1 : Kerangka Kajian

Sumber: Ishak Yusoff, Khairunnisa Mardzuki, Zaimah Darawi, Mohd Shukri Haji Noor (Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia)

SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada usahawan melayu di Kuala Rompin Pahang. Selain itu, skop kajian ini juga tertumpu kepada masalah yang dihadapi oleh usahawan melayu bagi membangunkan perniagaan. Kajian ini hanya terhad kepada faktor-faktor yang mendorong kejayaan usahawan iaitu, kemahiran mengurus perniagaan, kemahiran kepimpinan dan faktor persekitaran. Responden kajian hanya tertumpu kepada penduduk di sekitar Kuala Rompin (Adun Tioman), Pahang.

ULASAN KAJIAN LEPAS

Kejayaan Usahawan (Pemboleh Ubah Bersandar)

Menurut (Rozell, E. J., Scroggins, W. A., Amorós, J. E., Arteaga, M. E. & Schlemm, M. M. 2010) di Brazil, Chile dan Ecuador beliau mengaitkan factor kejayaan dan kegagalan usahawan di negara berkenaan dengan beberapa elemen seperti sumber bahan mentah, motivasi pengusaha, pengetahuan industri, teknologi, kemahiran perancangan kemahiran komunikasi kemahiran interpersonal dan pengambilan risiko. Kesemua elemen ini amat mempengaruhi kejayaan dan kegagalan usahawan. Oleh itu, sebagai seorang usahawan yang berjaya perlulah terdapat kesemua elemen-elemen diatas bagi memperkukuhkan lagi perniagaan dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, menurut (Lussier, 1995) pengukuran umum bagi kejayaan seorang usahawan dalam perniagaan ialah tahap keuntungan perniagaan yang diperolehi iaitu samaada ia lebih rendah daripada purata industry atau lebih tinggi daripada purata industry. Kajian tersebut menunjukkan ianya sebagai kayu pengukur kepada seseorang usahawan itu untuk terus berjaya. Sebagai contoh, keuntungan sesorang itu setiap hari meningkat dan membuahkan hasil. Secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan semangat seseorang itu untuk terus berjaya.

Menurut (Zafir Mohd Makhbul dan Fazilah Mohamad Hasun, 2011), menyatakan gabungan faktor-faktor keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejayaan seorang usahawan. Hal ini kerana, untuk menjadi usahawan yang berjaya usahawan perlu bersaing dengan sihat dan perlu ada sikap bantu membantu antara peniaga yang lain. Ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh (Sazelin Arif, 2009) yang mendapati salah satu kelemahan Pemasaran dalam kalangan

pengusaha kecil makanan halal di Melaka tengah ialah kekurangan tunjuk ajar dan perkongsian pendapat kerana kurangnya jaringan kerjasama antara sesama usahawan. Oleh itu, seorang usahawan perlu mengambil pendekatan ini bagi membolehkan usahawan maju dalam perniagaan yang mereka ceburi.

Faktor Kemahiran Mengurus Perniagaan (Pemboleh Ubah Tidak Bersandar)

Peranan usahawan amat penting dalam institusi perniagaan. Hal ini kerana usahawan adalah penyumbang sebilangan besar kepada negara. Usahawan adalah individu yang mengaut keuntungannya sendiri dengan membekalkan barangan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan. Ini di kuatkan lagi oleh teori (Histrich & Peter, 2002) yang menyatakan keusahawanan bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pendapatan perkapita, malah bertindak sebagai pemangkin perubahan struktur sosial dan masyarakat. Oleh itu, sebagai usahawan yang berjaya kemahiran mengurus amat penting dalam bidang perniagaan. Hal ini kerana, dengan adanya kemahiran mengurus, usahawan dapat meningkatkan pendapatan dalam menyediakan barangan dan perkhidmatan. Oleh itu, menurut (Griffin dan ebert, 1991), perniagaan adalah organisasi yang berusaha untuk memperolehi keuntungan dengan menyediakan barangan dan juga perkhidmatan.

Selain itu, menurut (Van Gelderen, 2007) menakrifkan kemahiran keusahawanan sebagai kebolehan yang diterjemahkan dalam kelakuan atau tindakan seseorang usahawan. Hal ini kerana, dalam menceburi bidang keusahawanan individu tersebut mestilah bijak dalam sesuatu perkara bagi memperolehi keuntungan yang maksimum. Sebagai contoh usahawan tersebut kreatif dalam menguruskan barangan dan perkhidmatan untuk digunakan oleh pihak ketiga atau pengguna. Secara tidak langsung dengan kebolehan yang ada pada usahawan tersebut ia dapat meningkatkan lagi keuntungan usawahan walau menggunakan pelbagai cara sekali pun.

Sebagai seorang pengurus, usahawan bukan sahaja terlibat dalam aktiviti-aktiviti pengurusan tradisi yang melibatkan proses membuat keputusan, merancang dan mengawal komunikasi yakni pertukaran maklumat dan memproses aktiviti kerja, pengurusan sumber manusia melibatkan motivasi, pendisiplinan, mengurus konflik, penstafan dan latihan (Johannisan, 1987; Hamed, 1995). Hal ini demikian kerana, usahawan perlu melibatkan diri dalam pelbagai program yang dianjurkan oleh badan kerajaan ataupun bukan bagi menguatkan mental fizikal dalam menguruskan perniagaan. Oleh itu, usahawan merupakan seorang pengurus, dimana usahawan perlunya ada motivasi dalam diri bagi menguruskan perniagaan dengan lebih sistematik dan efisien.

Keusahawanan yang kreatif memerlukan pengetahuan, motivasi, persekitaran yang menggalakkan, gaya pemikiran yang kreatif, dan ciri-ciri personaliti yang sesuai (Moloi, 2014). Hal ini kerana, seorang pengurus perlu ada gaya pemikiran yang kreatif bagi menguruskan perniagaan. Sebagai contoh, terdapat teknik menyelesaikan masalah kewangan dengan menggunakan '*bootstripping*'. Hal ini kerana ia merupakan satu kaedah yang kreatif yang boleh digunapakai oleh usahawan. usahawan sosial boleh menggunakan strategi '*bootstripping*' untuk menyelesaikan masalah kewangan dan operasi untuk mencapai misi keusahawanan sosial mereka di mana mereka boleh meminjam premis untuk aktiviti perniagaan mereka melalui jaringan perniagaan (Smith, 2015).

Selain daripada bijak menguruskan perniagaan, usahawan perlu mahir dalam pengurusan komputer. Ia bertujuan adalah untuk memudahkan pembuatan kerja secara bersistem. Faktor kemahiran menggunakan internet dan melibatkan diri secara aktif melayari internet, seorang usahawan juga perlu berfikiran dan bertindak kreatif dalam menghasilkan idea-idea yang unik bagi produk mereka. Ini merangkumi sumber aset fizikal dan bukan fizikal (Nurdin, G. Chan, G.K.L. Selvadurai, S. & Suraiya Ishak 2014). Sebagai contoh, dari aspek fizikal dilihat daripada bentuk penghasilan produk, pembungkusan serta penjenamaan manakala dari aspek bukan fizikal dilihat seperti jaringan hubungan sosial dengan ahli keluarga, pelanggan dan masyarakat amnya. Maka hipotesis pertama menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kemahiran mengurus perniagaan dengan factor kejayaan usahawan.

Faktor Kepimpinan

Kepimpinan adalah satu konsep yang sukar dan kompleks (Stodgill, 1974). Dia melihat kepimpinan sebagai satu fenomena manusia yang universal dan sukar difahami. Hal ini kerana, untuk menjadi pemimpin seseorang itu haruslah bijak dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi dan mencari jalan penyelesaian bagi perkara tersebut tidak berlarutan. Hal ini dikuatkan lagi dengan teori

(Cunningham dan Lischeron, 1991) usahawan selalunya seorang pemimpin dan seseorang usahawan mesti bijak mengaplikasikan gaya kepimpinan yang dimilikinya untuk berjaya.

Menurut (Cartwright dan Zender, 1960 dan Halpin, 1960) kepimpinan merupakan tingkah laku yang mempunyai keupayaan mengubah haluan sesuatu organisasi. Hal ini kerana, sebagai usahawan yang bijak, usahawan mesti mengetahui arah tuju syarikat dan usahawan menggunakan kuasa kepimpinan untuk mengubah haluan sesuatu organisasi jika organisasi itu mempunyai masalah atau sebaliknya. Kebijaksanaan ini akan memberi kesan ke atas keberkesanan dan prestasi semasa sesebuah firma (Nahavandi, 2002).

Selain itu, seorang ahli pengurusan mendefinisikan kepimpinan sebagai satu proses cubaan mempengaruhi sesuatu kumpulan dalam situasi dan masa yang khusus yang dapat merangsang ahli-ahli untuk berusaha secara rela hati bagi mencapai matlamat bersama (Gribben, 1972). Dalam kajian ini, orientasi keusahawanan merujuk kepada definisi yang telah diutarakan oleh (Lumpkin & Dess, 1996) iaitu proses, amalan dan aktiviti pembuatan keputusan yang membawa kepada kemasukan baru dengan melibatkan proses inovasi, proaktif dan pengambilan risiko (Covin & Slevin 1989, 1991; Miller 1983). Kemasukan baru dapat dirumuskan sebagai tindakan memasuki pasaran baru atau pasaran yang telah kukuh dengan produk atau perkhidmatan baru atau yang sedia ada dengan memulakan perniagaan baru menubuhkan anak syarikat baru atau melalui perniagaan sedia ada (Lumpkin & Dess 1996).

Faktor kepimpinan yang membawa kejayaan kepada usahawan menurut (Timmon, 1994) dalam (Nor Aishah, 2002) pula mendapati bahawa keusahawanan merupakan satu tindakan kemanusiaan yang kreatif dalam membina sesuatu yang bernilai dan mengejar peluang-peluang tanpa menghiraukan kewujudan sumber atau sebaliknya. Hal ini kerana, ia memerlukan wawasan, keghairahan dan komitmen untuk memimpin orang lain untuk mencapai wawasan di samping menanggung risiko-risiko yang mungkin berlaku. Oleh itu, para usahawan perlu memikirkan sesuatu secara luar kotak untuk mendapatkan hasil yang lumayan.

Selain itu, inovasi, sikap pro-aktif dan visi merupakan dimensi-dimensi yang berintegrasi antara kepimpinan dan keusahawanan (El-Annan, 2013). Hal ini kerana, gabungan ketiga-tiga dimensi ini merupakan pengukuran penting dalam mengkaji keusahawanan. Ketiga-tiga dimensi seperti inovasi, sikap pro-aktif dan visi merupakan faktor yang signifikan yang membawa kejayaan kepada seseorang usahawan. Sebagai contoh usahawan perlu adanya inovasi yang tinggi untuk menjadi seorang pemimpin yang berwibawa. Oleh itu, setiap usahawan perlu mengambil pendekatan seperti ketiga-tiga dimensi diatas bagi membolehkan usahawan tersebut terus berjaya. Faktor kepimpinan ini mempunyai hubungan signifikan dengan kejayaan usahawan di Rompin.

Faktor Persekitaran

Dalam menjalankan aktiviti perniagaan factor persekitaran amat penting bagi menjalankan aktiviti tersebut. Hal ini kerana, menurut (Quek Aik Sin, 1998), konsep persekitaran adalah objek-objek yang berada di sekitar individu atau masyarakat yang mana ianya boleh mempengaruhi individu atau masyarakat itu sendiri. Oleh itu, sebagai usahawan yang bijak ia perlu memilih persekitaran yang mampu membuatkan perniagaan menjadi untung. Sebagai contoh kawasan tersebut merupakan pusat peranginan. Secara tidak langsung ia memberi ruang kepada usahawan untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Mengikut Boorstin (dalam Peake 1984) dan (Ong Puay Liu, 1996), kebanyakan pelancong lebih suka mencari realiti dan keaslian sesebuah destinasi pelancongan yang dilawati. Hal ini kerana, mereka ingin mencari pengalaman melancong yang sebenar seperti berada di tepi pantai dan pulau-pulau. Oleh itu, usahawan perlu mencari alternatif sebagai contoh membuka chalet dan resort.

Selain itu, terdapat tindakbalas yang berterusan diantara organisma dan persekitaran. Ini bermaksud individu membuat perubahan dalam persekitaran dan persekitaran pula menjadi pelengkap kepada individu (Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahadzan Ayob, 1991). Dalam persekitaran ia merupakan pelengkap kepada manusia yang hampir dengannya untuk kelangsungan hidup. Sebagai contoh kediaman berhampiran dengan laut, secara tidak langsung mereka merupakan seorang nelayan yang menangkap ikan untuk dimakan dan untuk dijual. Oleh itu, terdapat pelbagai aktiviti disekeliling kita yang boleh mendatangkan keuntungan.

Menurut (Mok Soon Sang, 2002), menyatakan masyarakat merupakan alam kehidupan manusia. Kebudayaan masyarakat yang berbeza mempengaruhi perkembangan kanak-kanak dalam sosioekonomi, personaliti dan mental. Hal ini kerana, dalam berniaga sebagai usahawan perlu adanya sikap memupuk antara satu sama lain. Menurut (Arnstein, 1969), pula yang merupakan penulis awal dalam penyertaan komuniti menyatakan ianya melibatkan pengagihan semula kuasa yang membolehkan mereka mendorong kepada pemulihan sosial serta membolehkannya untuk berkongsi faedah-faedah bersama di dalam masyarakat.

Menurut Kajian yang dibuat oleh (Ishak Yusof, 2011), menyatakan prestasi kejayaan usahawan melayu di Pulau Langkawi disebabkan faktor dalaman usahawan itu sendiri iaitu latar belakang usahawan melayu iaitu jati diri, jujur, tidak mudah mengalah, yakin dan gigih berusaha. Manakala menurut (Hasnah Ali, Norhafizah Abdul razak dan Sanep Ahmad, 2010) pula mendapati faktor kejayaan usahawan iaitu keyakinan kepada diri sendiri merupakan faktor yang signifikan dalam mempengaruhi kejayaan. Oleh itu, seseorang usahawan perlu ada sikap yang diatas bagi memperoleh kejayaan dalam perniagaan. Faktor persekitaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejayaan usahawan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menerangkan secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dijalankan dan dibentuk dalam subtopik-subtopik yang kecil iaitu bentuk kajian, populasi kajian, persampelan, kaedah pengumpulan data, instrument kajian dan analisis data. Sumber soalselidik adalah daripada kajian Ishak Yusoff, Khairunnisa Mardzuki, Zaimah Darawi, Mohd Shukri Haji Noor (Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada usahawan Adun Tioman, Kuala Rompin, Pahang yang terlibat dalam aktiviti perniagaan dalam sektor penginapan, pengangkutan, peruncitan, pemborong, perkhidmatan dan restoran. Data diperolehi melalui borang soal selidik. Jumlah responden yang dipilih ditentukan mengikut senarai nama peminjam dana daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kuala Rompin sehingga tahun ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kajian ini menggunakan soal selidik dan temu bual. Menurut (Ang Kean Hua, 2016) penyelidikan kuantitatif juga merujuk kepada kajian yang dijalankan melibatkan statistik.

Data utama dikumpulkan melalui edaran soal selidik yang memfokuskan kepada usahawan-usahawan, di Kuala Rompin khususnya Adun Tioman. Selain itu, data sekunder juga digunakan sebagai salah satu rujukan untuk menyediakan satu set borang soal selidik yang berkaitan dengan kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah kolerasi.

KAEDAH PERSAMPELAN

Kaedah persampelan rawak (simple random sampling) digunakan dalam kajian ini kerana populasinya adalah berselerak pada ketika kajian sedang dilakkan. Dalam kajian ini sebanyak 74 borang soal selidik diedarkan sebagai sampel kajian kepada peniaga-peniaga di sekitar Kuala Rompin khususnya di kawasan Adun Tioman. Lokasinya yang dipilih adalah kerana ia memudahkan pengkaji mendapatkan data-data dan berdekatan dengan kediaman pengkaji. Formula Tabachnick & Fidell (2007) digunakan untuk menentukan saiz sample.

Formula: Tabachnick & Fidell 2007

$N > 50 + 8(M)$

M = Bilangan pemboleh ubah tak bersandar (IV)

$N > 50 + 8(3) = 74$

ANALISIS DATA

Semua data yang di kumpul, dikodkan dan seterusnya dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS). Sebelum analisis dijalankan, data disaring terlebih dahulu. Penyaringan data dijalankan bagi melihat ciri-ciri sebenar yang wujud sebelum analisis dapat dijalankan. Penyaringan data amat penting dalam memastikan data yang dianalisis adalah tepat dan taburan normaliti yang diterima sebagai syarat penganalisan teknik statistik inferensi (Coakes & Steed, 1999). Proses penganalisan data melibatkan beberapa kaedah seperti analisis deskriptif, korelasi dan regrasi.

DAPATAN KAJIAN

Pengenalan

Hasil dapatan kajian ini mengandungi analisis demografi responden, analisis kebolehpercayaan data dan analisis regrasi. Dengan menganalisis data-data yang diperolehi, pengkaji dapat membuat hasil kajian dan ulasan mengenai data-data analisis tersebut.

ANALISIS DEMOGRAFI

Jadual 1 : Analisis Demografi

Item	Nilai
Perempuan	24
Lelaki	50
Umur:	
Kurang 25	11
26 hingga 35	23
36 hingga 45	31
46 hingga 55	7
Lebih 56	2
Status Perkhawinan :	
Bujang	24
Berkhawin	30
Pendapatan	
Bawah RM 1000	9
RM 1000-rm2500	15
RM 2501-RM 3500	24
RM 3501-RM 4500	12
RM 4501-RM 6000	14

ANALISIS REGRASI

Analisis regrasi digunakan untuk mengkaji faktor mengurus, faktor kepimpinan dan faktor persekitaran memberi kesan kepada kejayaan usahawan. Analisis regrasi merupakan kaedah yang membolehkan pengkaji mengkaji hubungan berdasarkan persamaan linear dikaji bukan sahaja antara satu pemboleh ubah dan satu pemboleh ubah yang lain malah juga antara satu pemboleh ubah dengan beberapa pemboleh ubah lain (Hair, J.F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E., 2010).

Jadual 2: Rumusan Model

Model	R	R ²	Adjusted R ²	Std Estimate
1	.848	.718	.706	.40265

Jadual 2 telah menunjukkan keputusan *model summary* diantara pemboleh ubah iaitu faktor mengurus, faktor kepimpinan dan faktor persekitaran. Melalui pengujian hipotesis yang telah dilakukan, hubungan antara pemboleh ubah faktor mengurus, faktor kepimpinan, dan faktor

persekitaran telah dikenalpasti. Pekali penentuan adalah 0.718. hasil daripada itu, kira-kira 71.8 peratus daripada variasi dalam y dijelaskan dalam pemboleh ubah iaitu faktor mengurus, faktor kepimpinan dan faktor persekitaran.

Jadual 3: Analisis Regrasi

Pemboleh ubah bersandar	Pemboleh ubah tidak tidak bersandar	B	Beta	t	Sig
Faktor kejayaan usahawan	Konstan	-1.037		-3.070	.003
	Mengurus (X1)	.606	.481	5.829	.000
	Kepimpinan (X2)	.399	.291	2.866	.005
	Persekitaran (X3)	.233	.218	2.521	.014
R ²	.718				
F	59.487				
Sig. F	.000				

Hasil dapatan kajian yang dipaparkan dalam jadual 2 menunjukkan 71.8% ($R^2 = 0.718$) faktor mengurus, faktor kepimpinan dan faktor persekitaran mampu mempengaruhi kejayaan usahawan di Kuala Rompin khususnya di kawasan Adun Tioman. Jadual 4.3.2 menunjukkan F-statistik ($F = 59.487$) dan nilai P yang signifikan (0.000) atau lebih kecil daripada nilai alpha 0.01. ini menunjukkan bahawa cerun garis linear model ini dianggarkan tidak sama dengan sifar mengesahkan bahawa data kajian sesuai dengan tiga model ramalan regresi linear yang ditunjukkan dalam kajian.

Merujuk kepada analisis regresi, kejayaan usahawan dipengaruhi tiga pemboleh ubah iaitu factor mengurus, faktor kepimpinan dan faktor persekitaran. Berdasarkan hasil kajian ini juga hubungan antara kejayaan usahawan dipengaruhi oleh faktor mengurus, faktor kepimpinan dan factor persekitaran dapat dijelaskan menggunakan analisis regresi yang dinyatakan melalui persamaan linear seperti berikut:

$$Y = -1.037 + 0.606(X_1) + 0.399(X_2) + 0.233 (X_3)$$

Dimana,

- Y adalah kejayaan
- X₁ adalah faktor mengurus
- X₂ adalah faktor kepimpinan
- X₃ adalah faktor persekitaran

Hasil kajian menunjukkan bahawa jika satu unit faktor mengurus meningkat, maka kejayaan usahawan juga meningkat sebanyak 0.647. Sementara itu, jika satu unit faktor kepimpinan meningkat, maka tahap kejayaan usahawan juga turut meningkat sebanyak 0.399. Tambahan pula, jika satu unit faktor persekitaran meningkat, maka kejayaan usahawan juga meningkat iaitu sebanyak 0.233. Hasil kajian ini sekaligus menyokong bahawa faktor mengurus, faktor kepimpinan dan faktor persekitaran dapat mempengaruhi kejayaan usahawan di Kuala Rompin khususnya di Adun Tioman.

HIPOTESIS HASIL KAJIAN

Hipotesis 1: Faktor Mengurus

H₀: faktor mengurus tidak mempengaruhi kejayaan usahawan di Kuala Rompin.

H₁: faktor mengurus mempengaruhi kejayaan usahawan di Kuala Rompin.

Berdasarkan hipotesis yang pertama, H₀ berjaya ditolak kerana nilai yang ditunjukkan adalah signifikan, justeru itu H₁ diterima dan faktor mengurus merupakan factor yang mempengaruhi kejayaan usahawan di Kuala Rompin.

Hipotesis 2: Faktor Kepimpinan

H₀: faktor kepimpinan tidak mempengaruhi kejayaan usahawan di Kuala Rompin.

H₁: faktor kepimpinan mempengaruhi kejayaan usahawan di Kuala Rompin.

Berdasarkan hipotesis yang pertama, H₀ berjaya ditolak kerana nilai yang ditunjukkan adalah signifikan. Justeru itu, H₁ di terima dan faktor kepimpinan merupakan faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan di Kuala Rompin.

Hipotesis 3: Faktor Persekitaran

H₀: faktor persekitaran tidak mempengaruhi kejayaan usahawan di Kuala Rompin.

H₁: faktor persekitaran mempengaruhi kejayaan usahawan di Kuala Rompin.

Berdasarkan hipotesis ini, H₀ berjaya ditolak kerana nilai yang ditunjukkan adalah signifikan. Justeru itu H₁ diterima dan faktor kemahiran merupakan faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan di Kuala Rompin

KESIMPULAN

Berdasarkan dari hasil kajian ini, kesemua faktor-faktor ini mempengaruhi kejayaan usahawan di Kuala Rompin. Menurut (Zafir Mohd Makhbul dan Fazilah Mohamad Hasun, 2011) menyatakan gabungan faktor-faktor keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejayaan seorang usahawan. Antaranya adalah faktor mengurus, faktor kepimpinan dan faktor persekitaran.

Berdasarkan keputusan Analisis regrasi yang telah diperolehi di dalam bab 4 ini, kesemua pemboleh ubah tidak bersandar ini adalah mempengaruhi kepada pemboleh ubah bersandar iaitu kejayaan usahawan. Bagi pemboleh ubah tidak bersandar iaitu faktor mengurus adalah yang tertinggi nilai signifikannya iaitu nilai t adalah 5.829. secara tidak langsung ia mempengaruhi kejayaan usahawan di Kuala Rompin. Ia persetujuan lagi oleh (Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar & Lee Kuan Yee, 2012) yang mendapati bahawa kejayaan keusahawanan lebih disumbangkan oleh faktor mengurus perniagaan iaitu seperti cara pengurusan rekod dan kawalan kewangan, kemahiran perancangan, kemahiran pemasaran dan tahap pendidikan usahawan itu sendiri. hanya empat faktor dapat dianggap sebagai faktor kritikal atau signifikan kepada kejayaan iaitu pengalaman pengurusan, pengalaman industri, keadaan ekonomi dan kemahiran perancangan.

Faktor kedua tertinggi bagi pemboleh ubah tidak bersandar, dimana ia mempengaruhi kejayaan usahawan ialah faktor kepimpinan dengan nilai t 2.866. menurut (Valdeserri, 2010) membimbing dan mengajar orang bawahan adalah faktor penting dalam kejayaan organisasi dan beliau menyokong sesungguhnya jenis pendekatan kepimpinan yang diambil dalam menguruskan organisasi mempunyai kesan yang besar dan mempengaruhi kejayaan usahawan.

Seterusnya, bagi pemboleh ubah tidak bersandar nilai ketiga tertinggi adalah dari sudut faktor persekitaran. Dimana faktor persekitaran menyumbang kepada kejayaan usahawan dengan nilai t adalah 2.521. Menurut (Quek Aik Sin, 1998) persekitaran yang dimaksudkan adalah objek-objek yang berada di sekitar individu atau masyarakat yang mana ianya boleh mempengaruhi individu atau masyarakat itu sendiri. Menurut (Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahadzan Ayob, 1991) pula menyatakan bahawa terdapat tindakbalas yang berterusan di antara organisma dan persekitaran. Ini bermaksud individu membuat perubahan dalam persekitaran dan persekitaran pula menjadi pelengkap kepada individu. Memang tidak boleh dinafikan, persekitaran memang sentiasa membantu dan mempengaruhi dalam kehidupan manusia. Pendapat ini disokong oleh (Mok Soon Sang, 2002) menyatakan masyarakat merupakan alam kehidupan manusia. Kebudayaan dan kepercayaan masyarakat yang berbeza mempengaruhi perkembangan kanak-kanak dalam aspek sosioekonomi, personaliti dan mental. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian mendapati kesemua faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan itu haruslah diikuti bagi memperoleh keuntungan ataupun pendapatan yang lumayan.

RUJUKAN

- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar & Lee Kuan Yee. (2012). Faktor kritikal kejayaan usahawan dalam perniagaan. *E-Bangi Journal of Human Sciences and Humanities*, 7 (1), 34 – 45.
- Azizi Hj Halipah & Syed Mazlan Syed Mat Dom. (2011). Peranan Kompetensi Peluang dan Struktur Organisasi Terhadap Prestasi PKS di UtaraMalaysia. *Academic Journal UiTM Johor*, Vol. 10.
- Cartwright D & Zander A (1960). *Group Dynamics Research And Theory* Evanston III: Row Peterson And Co.
- Covin, J. G., Green, K. M. & Slevin, D. P. 2006. Strategic process effects on the entrepreneurial orientation-salesgrowth rate relationship. *Entrepreneurship Theory & Practice* 30(1): 57-81.
- Cunningham, J. B. & Lischeron, J. (1991). Defining Entrepreneurship. *Journal of Small Business Management*, 29(1), 45-59.
- El-Annan, S.H. (2013). Innovation, proactive, and vision are three integrated dimensions between leadership and entrepreneurship. *European Journal of Business and Social Sciences*, 1 (12), 148-163.
- Fayolle, A. (2000). Exploratory Study to Assess the Effects of Entrepreneurship Programs on Student Entrepreneurial Behaviours, *Journal of Enterprising Culture*, 8(2), 169-184.
- Greene, K. M., & Staff, J. (2012). Teenage employment and career readiness. *New Directions for Youth Development*, 134, 23-31. doi: 10.1002/yd.20012
- Gribben., James. J. (1972) *Efective Managerial Leadership*. New York: American Management Associaton, hal. 1 – 5
- Griffin W. Ricky dan Ebert J. Ronald, *Business*. New Jersey: Prentice Hall International Inc, 1999
- Hisrich, R., & Peters M. (2002). *Entrepreneurship*, McGraw Hill, 5th ed, International Edition.
- Ibrahim Mamat (2009). *Daya saing usahawan dan syarikat melayu dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Johannisson B (1990) Community entrepreneurship- cases and conceptualisation. *Entrepreneurship & Regional Development* 2, 71-85.
- Lussier, R.N (1995). “A Nonfinancial Business Success Versus Failure Prediction Model For Young Firms,” *Journal of small Business Management* 33(1), 38-42.
- Lumpkin, G. T. 1996. The entrepreneurial orientation (EO) of new entrants: Performance implication of alternative configuration of EO, environment, and structure. Disertasi Kedoktoran tidak terbit. University of Texas at Arlington.
- Moloi, K.C. (2014). The impact of fashion entrepreneurs’ traits on the success of fashion businesses in the Gauteng Province in South Africa. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(4), 78-86.

- Nahavandi, A. (2002). *The Art and Science of Leadership*. 3 rd ed. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Norashidah Hashim, Norasmah Othman, Noraishah Buang. (2009). Konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187-203.
- Nuridin, G., Chan, G. K., Selvadurai, S., & Ishak, S. (2014). Hubungan sosial dan perniagaan kecil-kecilan di Malaysia-Tingkah laku inovatif usahawan wanita atas talian. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(6), 206-218.
- Othman, N., & Panniappan. S. (2012). Profil Keusahawanan Peniagaan India di Malaysia. *Akademika*, 82(1), 103-111.
- Portal rasmi Majlis Amanah Rakyat www.MARA.com.my
- Rosli Mohd Saad, Abdullah Abd Ghani & Shuhymee Ahmad. (2014). Kesan Sumber Pembiayaan Ekuiti dan Hutang ke atas Prestasi Perniagaan PKS di Malaysia. *Sains Humanik*, 2(1): 151-157.
- Rozell, E. J., Scroggins, W. A., Amorós, J. E., Arteaga, M. E. & Schlemm, M. M. (2010). Entrepreneurship in specific cultural contexts: the role of training and development for entrepreneur-culture fit. *Journal for Global Business Education*, 10: 51-71.
- Sazelin Arif (2009). *“Keupayaan Pemasaran Dalam Kalangan Pengusaha Kecil Makanan Halal Di Melaka Tengah: Satu Kajian Awal”*.
- Schumpeter, J. A. (1934). *The Theory of Economic Development*. Harvard University, New York.
- Singh G, Belwal R (2008) Entrepreneurship and SMEs in Ethiopia: Evaluating the role, prospects and problems faced by women in this emergent sector. *Gender in Management: An International Journal* 23 (2), 120-136.
- Smith, D. (2015). *Exploring innovation*. London, McGraw-Hill Higher Education.
- Stogdill, R.M. (1974). *Handbook of leadership: A survey of theory and research*. New York: The Free Press.
- Van Gelderen, M. (2007). Research based yet action oriented: Developing individual level enterprising competencies. Kertas kerja yang dibentangkan di 17th Global Conference-Internationalizing Entrepreneurship Education and Training, 8 – 11 July, 2007, Faculty of Management and Economics, Gdansk University of Technology. Gdansk: Poland.
- Zafir Mohd Makhbul dan Fazilah Mohamad Hasun. (2011). *Siri Pengurusan dan Pentadbiran Utusan: Mengurus Sumber Manusia*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. 203-209.